

Ibrah Israk Mikraj pencetus semangat murni penjawat awam

Oleh Dr Ahmad Nasir Mohd Yusoff
bhagama@bh.com.my

Peristiwa Israk Mikraj adalah antara peristiwa penting dalam rakaman sejarah kehidupan Nabi SAW dan seluruh umat Islam. Peristiwa itu bukan sekadar kisah sejarah diceritakan kembali setiap kali menjelang atau selepas 27 Rejab, malah sangat penting dihayati pengajaran di sebalik peristiwa itu, bagi meneladani perkara baik dan menjauhi perkara buruk.

Peristiwa Israk Mikraj adalah mukjizat membuktikan kudrat dan kekuasaan Allah SWT kepada Baginda SAW. Peristiwa agung itu memperlihatkan pelbagai kejadian aneh dan benar serta penuh pengajaran yang seharusnya memberi

keinsafan kepada manusia, terutama umat Islam untuk sentiasa mengingati Allah SWT dan takut kepada kekuasaan-Nya.

Firman Allah SWT bermaksud: *"Maha Suci Allah memperjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang kami berkati sekelilingnya untuk Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat."* (Surah al-Isra'39: Ayat 1).

Perjalanan malam Nabi Muhammad SAW memberikan pengajaran mendalam mengenai kepentingan berilmu dan beramal dalam membentuk sebuah masyarakat beriman, terutama bagi mereka yang bekerja, termasuk penjawat awam.

Dengan merenungkan aspek ini, kita dapat menggali nilai untuk membentuk insan berilmu dan berbakti. Peristiwa Israk dan Mikraj menekankan pentingnya ilmu pengetahuan dalam agama Islam. Nabi Muhammad SAW di sepanjang perjalanan malam itu diberikan pelajaran dan petunjuk Allah SWT.

Ini mendorong umat Islam menjadikan ilmu pengetahuan sebagai tanggungjawab dan perkara diberkati. Pencarian ilmu tidak hanya menjadi kepentingan peribadi, tetapi sebagai satu bentuk ibadah kepada Allah SWT.

Contoh konkrit peristiwa ini ialah galakan kepada umat Islam mengutamakan ilmu dalam kehidupan mereka, menuntut ilmu agama dan dunia sebagai satu ibadah serta tanggungjawab Muslim.

Bimbing perilaku, etika dan nilai baik

Peristiwa Israk Mikraj mengajar umat Islam membawa ilmu pengetahuan ke dalam kehidupan sehari-hari. Pengetahuan diperoleh daripada peristiwa ini tidak hanya terbatas kepada aspek ibadah semata-mata, tetapi juga membimbing perilaku, etika dan nilai kehidupan baik.

Penjawat awam yang berilmu dan berbakti adalah individu mengaplikasikan ilmu diperoleh dalam setiap tindakan dan sikapnya.

Nabi Muhammad SAW selepas mendapat hidayah Allah SWT membawa ajaran Islam kepada umatnya dalam bentuk ajaran agama dan ibadah.

Ini menunjukkan kepentingan mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian. Penjawat awam yang berilmu dan khusyuk adalah mereka yang mengamalkan ajaran Islam dalam amalan seharian, daripada solat, keluarga, masyarakat sehinggalah kepada urusan pentadbiran negara.

Israk Mikraj menegaskan kewajiban untuk beribadah dan berbakti kepada Allah SWT. Melalui peristiwa ini, umat Islam diberikan petunjuk hukum agama dan tanggungjawab terhadap pelaksanaan

“Peristiwa Israk Mikraj adalah mukjizat membuktikan kudrat dan kekuasaan Allah SWT kepada Baginda SAW. Peristiwa agung itu memperlihatkan pelbagai kejadian aneh dan benar serta penuh pengajaran yang seharusnya memberi keinsafan kepada manusia, terutama umat Islam untuk sentiasa mengingati Allah SWT dan takut kepada kekuasaan-Nya”

ibadah sebenar.

Penjawat Awam berilmu dan berbakti adalah mereka yang tidak hanya mengejar ilmu, tetapi juga membabitkan diri secara aktif dalam ibadah dan amal soleh sebagai tanda syukur kepada Allah SWT.

Golongan ini juga perlu mengambil ilmu ini

sebagai panduan hidup untuk mencapai kebahagiaan dunia akhirat. Ini termasuk menumpukan usaha kepada amal membawa rahmat di dunia dan akhirat, menyedari kehidupan ini adalah ujian dan persediaan untuk kehidupan selepas mati.

Peristiwa Israk Mikraj turut mengingatkan umat Islam untuk terus memelihara tradisi dan nilai Islam. Bermakna, penjawat awam bukan saja perlu menghargai dan memahami warisan ilmu pengetahuan serta kebijaksanaan Islam, tetapi bertanggungjawab menyampaikan nilai ini kepada generasi seterusnya.

Ilmu ibadah rahsia terkandung di sebalik kisah Israk Mikraj perlu terus dihargai dan disuburkan bagi memastikan Islam kekal sebagai model unggul cara kehidupan bagi generasi berikutnya.

Ambil pengajaran dan hikmah

Peristiwa Israk Mikraj patut menjadi ilham berguna kepada penjawat awam untuk sentiasa menimba ilmu, menjadi individu berilmu dan dengan itu dapat berbakti kepada masyarakat serta menjalani kehidupan diwarnai ilmu, ibadah dan amal kebajikan, mencipta masyarakat bertakwa dan beradab sesuai dengan ajaran Islam.

Sesungguhnya, perjalanan luar biasa baginda dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di Palestin sebelum dilanjutkan ke Sidratulmuntaha pada satu malam itu sarat dengan pengajaran dan hikmah. Keagungan Allah terserlah dalam peristiwa agung Israk Mikraj.

Dialah Maha Berkuasa melakukan sesuatu atas kehendak-Nya tanpa ada siapa mampu menyekat atau menahan-Nya. ALLAH SWT menjadikan Israk Mikraj sebagai pengakuan kepada ajaran Islam sebenar dibawa Rasulullah SAW.

Kesimpulannya, kedatangan peristiwa Israk Mikraj ini menjadi detik sesuai untuk kita bermuhasabah dan melakukan refleksi diri terhadap pelaksanaan ibadah solat dalam kehidupan seharian.



Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

